

**Parlimen: 27,935 Pegawai Lantikan Kontrak Dan Sementara Berkhidmat Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Bernama
08 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Seramai 27,935 pegawai lantikan kontrak dan sementara sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam persekutuan sehingga 1 Dis tahun ini, persidangan Dewan Negara diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong berkata faedah yang diterima oleh pegawai yang bertaraf kontrak adalah sama dengan skim perkhidmatan pegawai tetap merangkumi gaji, elaun serta ganjaran setelah pegawai memenuhi tempoh kontrak perkhidmatan ke satu ketika dan memberi perkhidmatan yang memuaskan.

"Pegawai lantikan kontrak juga diberikan kemudahan perubatan percuma di hospital dan klinik kerajaan semasa dalam tempoh perkhidmatan," katanya ketika menjawab soalan Senator Datuk Chiu Tiang Chai mengenai jumlah kakitangan kontrak, sambilan dan sementara dalam perkhidmatan awam.

Sementara itu, Liew berkata kerajaan tidak bercadang mengurangkan jumlah kakitangan awam sedia ada melalui penamatan atau pembuangan pekerja.

Bagaimanapun, beliau berkata saiz dan sumber manusia dalam sektor awam akan disusun untuk mencapai penggunaan tenaga yang optimum melalui pelaksanaan Dasar Perkhidmatan Awam.

Menurutnya tenaga kerja sedia ada akan digembleng melalui beberapa strategi termasuk kawalan saiz, semakan skim perkhidmatan, kajian pertindihan fungsi agensi, penjajaran fungsi utama perkhidmatan, peluasan perkhidmatan yang boleh dialih daya dan 'reengineering' proses kerja.

-- BERNAMA

faedah yang diterima oleh pegawai bertaraf kontrak adalah sama

9. berdasarkan maklumat 1 dis 2011-jumlah pegawai lantikan kontrak dan smenetara yang edang perkhidmat dalam perkhidmatan awam persekutuan27935 orang.

faedah yang diterima oleh pegawai bertaraf kontrak dalah sama seperti yang ditetapkan skim perkhidmatan pegawai tetap termausk gaji dan elaun dan itu dibayar ganjaran setelah pegawai memenuhi temoh kontraks perkhidmatannya ke satu ketika dan setelah memberi perkhidmatan yang memuaskan. lantikan kontrak telah diberikan kemudahan perubatan

percuma di hospital dan klinik kerajaan semasa dalam tempoh perkhidmatan kontrak. kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan jumlah kakitanganwam sedia ada melalui penamatan perkhidmatan atau pembuangan pekerja. bagaimanapunsaiz dan sumber manusia sektor awam akan disusun untuk mncapai penggunaan tenaga yang optimum melalui pelaksanaan dasar perhidmatan awam. tenaga kerja sedia ada kaan digembleng melalui stratgei, 1;kawalan saiz, semakan skim perkhidmatan, kajian pertindihan fungsi agensi, penjajaran fungsi utama perkhidmatan, peluasan perkhidmatan yang boleh dialih daya, reengineering proses kerja.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632855>